

SIARAN AKHBAR UNTUK SIARAN SEGERA

AKLPT 2018 IKTIRAF WARTAWAN TEMPATAN DALAM SEKTOR LEBUH RAYA

- AKLPT 2018 julung kali diadakan sebagai penghargaan kepada pengamal media tempatan dalam sektor lebuh raya.

KUANTAN, 18 November 2018 – ANIH Berhad, syarikat konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) dengan sokongan Kementerian Kerja Raya Malaysia, buat julung kalinya menganjurkan Malam Anugerah Kewartawanan LPT 2018 (AKLPT 2018) untuk sektor lebuh raya Malaysia.

Majlis yang berlangsung di Kuantan, Pahang itu diadakan sebagai penghargaan kepada pengamal media tempatan atas sumbangan mereka dalam menyebarluaskan maklumat dan agenda infrastruktur lebuh raya dengan tepat, intelektual dan seimbang kepada pembaca, khususnya di kalangan komuniti setempat dan pengguna KLK dan LPT 1.

Mengulas lanjut, Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian berkata, usaha ANIH Berhad menerusi Jabatan Komunikasi Korporatnya ini seharusnya menjadi perangsang dan pendorong untuk konsesi-konsesi lain, khususnya konsesi yang memiliki jajaran lebuh raya di bahagian utara, tengah atau selatan tanah air untuk turut sama mengiktiraf sumbangan dan peranan wartawan dalam meningkatkan kesedaran umum tentang isu-isu penting berkaitan lebuh raya.

“Saya melihat wartawan sebagai rakan kongsi penting kepada Kementerian dan kepada semua syarikat konsesi dalam menjayakan agenda untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Kepada ANIH Berhad, saya berharap syarikat akan dapat meneruskan peranannya untuk menawarkan khidmat terbaik kepada semua pengguna dan komuniti setempatnya,” kata beliau dalam ucaptama Majlis Malam AKLPT 2018.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir, Timbalan Ketua Pegarah Pembangunan, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato’ Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan dan Penggerusi Eksekutif Kumpulan MTD dan ANIH Berhad, Tan Sri Dr. Nik Hussain Abdul Rahman.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein berkata, pengamal media, khususnya di Pahang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang baik kepada syarikat untuk menyebarluaskan peranan dan pencapaian sebagai syarikat konsesi kepada KLK dan LPT 1.

"Oleh itu, bagi menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan ANIH Berhad kepada pengamal media di Pahang ini, syarikat dengan sokongan padu Kementerian Kerja Raya memperkenalkan AKLPT 2018 bagi mengiktiraf sumbangan pihak media menerusi karya-karya yang banyak meningkatkan kesedaran umum tentang isu-isu penting berkaitan KLK dan LPT 1," katanya.

AKLPT 2018 ini yang menawarkan hadiah wang terkumpul berjumlah RM30,000, akan mengiktiraf karya-karya cemerlang yang dihasilkan oleh para pengamal media di Negeri Pahang bagi tempoh 2016 hingga 2018. Sejumlah 59 penyertaan dari media cetak dan elektronik dalam semua kategori telah diterima dan diadili secara telus oleh juri-juri yang terdiri daripada bekas-bekas wartawan tersohor negara iaitu Datuk Yong Soo Heong; Dato' Ahmad Talib; Dato' Mior Kamarulbaid Mior Shahid dan Tuan Syed Agil Syed Jaafar.

Kategori AKLPT 2018 yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

1. Berita TV Cemerlang
2. Kewartawanan Foto Cemerlang
3. Laporan Berita Cemerlang
4. Penulisan Rencana Cemerlang

Pemenang setiap kategori akan menerima RM5,000 beserta sijil penghargaan manakala pemenang utama bagi AKLPT 2018, iaitu Trofi Tan Sri Dr. Nik Hussain Abdul Rahman pula akan membawa pulang RM10,000 beserta sijil penghargaan.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat
farizal.hajat@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : www.mtdgroup.com.my